

# **e-TEACHING PORTFOLIO (e-TP) DAN E-COURSE FILE (e-CF) SEBAGAI PEMUDAHCARAAN BAGI PENSYARAH AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG**

Emie Sylviana Binti Mohd Zahid, Mohd Marbawi Bin Taha dan Nurfahiratul Azlina Binti Ahmad

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA*

*E-mail: emies692@uitm.edu.my*

## **ABSTRAK**

Portfolio pengajaran dan fail kursus banyak digunakan dalam pendidikan tinggi sebagai alat pengurusan yang berguna untuk pemantauan dan meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan ahli akademik. Namun, dokumentasi yang sedia ada mempunyai masalah dari aspek tekanan masa, data tidak terintegrasi dan tidak mudah diakses serta berasaskan kertas. Malah masalah pembaziran kertas turut berlaku apabila bahan pengajaran yang tidak lagi relevan akan dibuang. Meskipun, UiTM menggalakkan warganya ke arah penjimatan. Selain itu, pembelajaran telah dilaksanakan secara online Distance Learning (ODL) sepanjang covid19. Begitu juga kursus, bengkel dan seminar turut dilaksanakan secara atas talian. Oleh yang demikian, dokumentasi berasaskan kertas perlu digantikan dengan sistem elektronik. Berdasarkan kepada soal selidik, maka e-teaching portfolio dan e-course file diperkenalkan ditempat yang mudah dicapai. Hasilnya, ia memberi impak kepada para pensyarah ACIS dari aspek kecekapan iaitu Pertama; penjimatan masa. Kebanyakan sumber dan bahan pengajaran dan pembelajaran atas talian telah dimuat naik, maka gerak kerja menjadi lebih cekap dan pantas. Kedua, menjimatkan kos. Tiada kos fotokopi yang perlu dikeluarkan. Ketiga, meningkatkan produktiviti. Bahan pengajaran dan pembelajaran boleh dikongsi sesama pensyarah. Keempat, mudah digunakan (user friendly). Pengguna berinteraksi dengan sistem tanpa perlu kemahiran yang tinggi dalam bidang komputer. Malah memudahkan proses pengauditan di UiTM.

**Kata Kunci:** portfolio pengajaran, e-TP, fail kursus, e-CF

## **1. PENGENALAN**

Portfolio pengajaran atau teaching portfolio merupakan satu dokumen yang merangkumi pengumpulan bahan-bahan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran setiap kursus yang diajar oleh setiap pensyarah. Ianya menjadi hakmilik peribadi pensyarah itu sendiri dan boleh diakses oleh pihak pengurusan untuk keperluan universiti. Portfolio pengajaran juga dikatakan sebagai satu dokumen pilihan yang dihimpun dan diatur, memberi panduan kepada pembangunan profesional ahli akademik serta pencapaian terhadap usaha kompleks yang dilaksanakan oleh ahli akademik yang dinamakan pengajaran [1]. Penyediaan portfolio pengajaran adalah amat penting dan harus dilaksanakan oleh semua pensyarah kerana ini merupakan kaedah yang sistematik untuk mendokumen atau merekodkan segala pengalaman dan bahan pengajaran [2]. Ia merupakan dokumentasi yang berstruktur yang memerlukan perancangan, pelaksanaan dan penilaian yang teliti untuk menyemak daya kreatif, laporan kemajuan peribadi, senarai yang menetapkan piawai prestasi kerja dalam hal-hal perancangan organisasi dan perlaksanaan [3]. Di UiTM, senarai isi kandungan portfolio pengajaran yang telah ditetapkan bagi pensyarah UiTM

adalah 'curriculum vitae', maklumat kursus, bahan pengajaran dan pembelajaran, penilaian, tugasan pelajar, keputusan peperiksaan pelajar, penilaian pensyarah (SuFO) dan analisa komponen 'Closing the Loop' (CDL) [4]. Penyediaan portfolio pengajaran perlu dikemaskini setiap semester bagi membantu dalam urusan penilaian pengajaran pensyarah, kenaikan pangkat dan peningkatan karier seseorang pensyarah dan secara amnya kualiti seseorang pensyarah dapat dikenal pasti. Kemampuan profesional pensyarah juga dapat diketengahkan dan dinilai dengan efektif dan mudah baca [5]. Selain penyediaan portfolio pengajaran, pensyarah yang dilantik sebagai penyelaras kursus atau Lecturer Incharge (LIC) perlu menyediakan fail kursus atau course file sebagai tugas yang dipertanggungjawabkan untuk memenuhi sistem kualiti. Fail kursus adalah fail yang mengandungi bahan-bahan meliputi aspek-aspek pengajaran selagi kursus ditawarkan [6]. Di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Pulau Pinang, portfolio pengajaran dan fail kursus ditempatkan dibilik Unit Kualiti ACIS. Setiap semester kedua-dua dokumen tersebut perlu dikemaskini oleh setiap pensyarah secara manual. Namun terdapat kekangan yang dihadapi oleh para pensyarah ketika menyediakan portfolio pengajaran dan fail kursus setiap tahun seperti aspek tekanan masa, data tidak terintegrasi dan tidak mudah diakses serta berasaskan kertas. Malah masalah pembaziran kertas turut berlaku apabila bahan pengajaran yang tidak lagi relevan akan dibuang. Meskipun, UiTM menggalakkan warganya ke arah penjimatan. Oleh itu, pengkaji perlu mengenal pasti kaedah yang sesuai sebagai pemudahcaraan menyediakan portfolio dan fail kursus oleh setiap pensyarah ACIS.

## **2. METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kajian yang dipilih adalah kajian tinjauan deskriptif menggunakan soal selidik. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumbalas daripada para pensyarah ACIS ketika menyediakan portfolio pengajaran dan fail kursus. Kaedah ini adalah sesuai dan mudah untuk mendapatkan maklumbalas daripada responden. Soal selidik ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat latar belakang responden iaitu jantina, gred, jawatan dan tempoh perkhidmatan. Manakala Bahagian B pula mengandungi tiga soalan maklumbalas pensyarah terhadap penyediaan portfolio pengajaran dan fail kursus. Soal selidik diedarkan melalui google form kepada responden. Populasi bagi kajian ini adalah pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) di UiTM Cawangan Pulau Pinang. Terdapat seramai 16 orang pensyarah ACIS yang berkhidmat di UiTMPP dijadikan sampel kajian dan mewakili populasi pensyarah ACIS di UiTMPP. Data yang diperolehi telah dianalisis oleh google form dengan menyatakan bilangan dan peratusan tentang maklumbalas responden terhadap tiga soalan yang diajukan iaitu kekangan yang dihadapi ketika penyediaan portfolio pengajaran dan fail kursus, maklumbalas mengenai pendekatan yang diperkenalkan dan tahap kepuasan menggunakan pendekatan tersebut.

## **3. PERBINCANGAN**

Hasil dapatan yang diperolehi daripada 10 orang (100%) pensyarah yang memilih penggunaan kertas yang banyak, masa terbuang dan memerlukan ruang menyimpan fail portfolio pengajaran sebagai kekangan utama dalam penyediaan portfolio pengajaran dan fail kursus, pihak Unit Kualiti ACIS UiTMPP telah mengambil inisiatif untuk membina satu platform di google drive sebagai pemudahcaraan para pensyarah dalam menyediakan dokumen yang merangkumi pengumpulan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran setiap kursus yang diajar. Ini kerana dokumentasi berasaskan kertas perlu digantikan dengan sistem elektronik. Setelah melakukan pencambahan minda dengan mengambil kira pro dan kontra cadangan. Hasil keputusan, Unit Kualiti ACIS bersetuju mewajibkan serta menyeragamkan penggunaan e-Teaching Portfolio (e-TP) dan e-Course File (e-CF) dalam kalangan pensyarah ACIS UiTM Cawangan Pulau Pinang. Berikut adalah e-TP dan e-CF dalam google drive yang dibangunkan oleh Unit Kualiti ACIS, UiTMPP. Selain dari itu, pihak Unit Kualiti ACIS turut menyediakan garis panduan penyediaan fail kualiti sebagai panduan para pensyarah. E-portfolio atau portfolio elektronik merupakan satu bentuk

portfolio yang dihasilkan menggunakan teknologi digital sama ada melalui atas talian iaitu berasaskan web ataupun menggunakan media seperti cakera optik (CD ROM) [7]. E-portfolio merupakan satu koleksi artifak dari koleksi peribadi ataupun organisasi dengan tujuan yang tertentu dan disimpan secara elektronik yang dikendalikan oleh individu ataupun organisasi. E-portfolio juga dapat digunakan bagi menunjukkan perkembangan diri dan pengetahuan individu [8]. Justeru e-TP dan e-CF adalah dokumentasi atau fail-fail elektronik pensyarah yang dibangunkan oleh Unit Kualiti ACIS UiTMPP di google drive sebagai pemudahcaraan sebagai tempat untuk menyimpan segala bahan pembelajaran kepada para pensyarah ACIS. Hasil maklumbalas pensyarah setelah menggunakan pendekatan ini, 10 orang (100%) pensyarah menyatakan bahawa pendekatan ini mudah diakses dan jimat kos. Malah ia juga dapat menjimat ruang dan mudah dirujuk oleh pensyarah lain. Sebanyak 80% yang sangat berpuas hati dengan e-TP dan e-CF ini.

#### **4. KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Perkembangan teknologi ICT terutamanya teknologi internet telah memangkinkan penggunaan e-portfolio. Ianya mula mendapat tempat dalam bidang pendidikan pada permulaan abad ke 21. E-portfolio ini dibina khusus untuk memaparkan maklumat berkaitan penggunaannya dalam proses pembelajaran dan pengajaran. E-portfolio dapat menyimpan data yang telah lalu. Bahan-bahan ini boleh dijadikan sumber rujukan kepada orang ramai. Hasil e-TP dan e-CF, 10 orang (100%) pensyarah menyatakan bahawa pendekatan ini mudah diakses dan jimat kos. Malah ia juga dapat menjimat ruang dan mudah dirujuk oleh pensyarah lain. Sebanyak 80% yang sangat berpuas hati dengan e-TP dan e-CF ini. Ia memberi impak kepada para pensyarah ACIS dari aspek kecekapan iaitu Pertama; penjimatan masa. Kebanyakan sumber dan bahan pengajaran dan pembelajaran atas talian telah dimuat naik, maka gerak kerja menjadi lebih cekap dan pantas. Kedua, menjimatkan kos. Tiada kos fotokopi yang perlu dikeluarkan. Ketiga, meningkatkan produktiviti. Bahan pengajaran dan pembelajaran boleh dikongsi sesama pensyarah. Keempat, mudah digunakan (user friendly) iaitu pengguna berinteraksi dengan sistem tanpa perlu kemahiran yang tinggi dalam bidang komputer. Malah proses pengauditan oleh Unit Kualiti di UiTM juga mudah dijalankan dengan hanya berkongsikan capaian atas talian sahaja, khususnya di musim pandemik Covid19 pada masa kini. Selain itu juga kelebihan e-TP ini adalah ia dapat memudahkan para pensyarah memasukan bahan-bahan pengajaran, penyelidikan dan aktiviti pensyarah secara terus ke MyATP dan permohonan kenaikan pangkat. Oleh itu, e-TP dan e-CF ini dapat membantu mengurangkan beban tugas ahli akademik dan menyarankan agar dokumentasi berasaskan kertas yang sentiasa memenuhi ruang bilik ISO Unit Kualiti UiTM di setiap fakulti, jabatan dan unit dapat digantikan dengan sistem teknologi digital atau elektronik. Kewujudan e-portfolio ini bukan sahaja untuk kegunaan ahli akademik, pelajar malah syarikat korporat juga dapat memanfaatkan kewujudannya. Proses membangunkan e-portfolio juga perlu diperjelaskan kepada orang ramai agar ia tidak menyimpang dari matlamat dan tujuan asalnya. Dengan ini, jelaslah kewujudan e-portfolio pada masa kini dapat menyumbang banyak kebaikan kepada kehidupan manusia.

#### **RUJUKAN**

1. Campbell, D. M. et al. (2001). How to develop a professional portfolio: A manual for teachers 2nd ed. Massachusetts: Allyn & Bacon.
2. Peridah Bahari. (2009). Peranan Pensyarah dalam Penambahbaikan Kualiti Pengajaran di UiTM Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia. Dalam Esteem Academic Journal Vol. 5, No. 2, 231-240, 2009, 231-238.
3. Lateef, N. A. (1979). Pemikiran baru bagi pentadbiran awam Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. PK.UiTMPP.(O).07 Fail Kursus Dan PortFolio Pengajaran.

5. Peridah Bahari. (2009). Peranan Pensyarah dalam Penambahbaikan Kualiti Pengajaran di UiTM Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia. Dalam Esteem Academic Journal Vol. 5, No. 2, 231-240, 2009, 231-238.
6. <https://docplayer.info/187102179-Prosedur-fail-kursus-pk-uitm-fkm-oa-07.html>
7. Zabri Bin Zainol Abidin. (2011). E- Portfolio (Learning and Development E-Portfolio). Diakses pada 10 Oktober 2020 dari <http://zabrie-portfolioartikel.blogspot.com/2011/12/normal-0-false-false-false-en-us-x-none.html>
8. Zabri Bin Zainol Abidin. (2011). E- Portfolio (Learning and Development E-Portfolio). Diakses pada 10 Oktober 2020 dari <http://zabrie-portfolioartikel.blogspot.com/2011/12/normal-0-false-false-false-en-us-x-none.html>



Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)  
Tarikh : 30 Ogos 2022

YBhg. Profesor Ts Sr Dr Md Yusof Hamid, PMP, AMP  
Rektor  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Perak



YBhg. Profesor

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK  
MELALUI REPOSITORY INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak Perpustakaan ingin memohon kelulusan YBhg. Profesor untuk membuat imbasan (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.
3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna Perpustakaan terhadap semua bahan penerbitan UiTM melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak YBhg. Profesor dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar